



1. JAWATAN	: PEGAWAI KAKITANGAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Pengurusan Sumber Manusia atau Dasar Awam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang yang tersebut adalah satu kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Kakitangan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Kakitangan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-sekurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KAKITANGAN KANAN :**

1. Membantu Ketua Unit / Ketua Bahagian / Ketua Pengarah dalam melaksanakan dasar-dasar dan program-program sumber tenaga manusia.
2. Bertanggungjawab dalam memantau dan mengurus hal ehwal yang berkaitan dengan pegawai dan kakitangan bawahan.
3. Bertanggungjawab dalam memastikan *Key Performance Indicators* dicapai pada tempoh yang perlu dilaksanakan.
4. Bertanggungjawab membantu mengawalselia, membimbing dan memimpin pegawai dan kakitangan bawahan didalam memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan adalah dijalankan dengan teratur, cekap, berkesan dan berkualiti.
5. Menjalankan apa-apa jua tugas dan arahan oleh Ketua Pengurusan, Ketua Bahagian dan Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.